

SUMBER ILMU MENURUT IMAM AL-GHAZALI: SATU ANALISIS DALAM KITAB *AL-IQTISAD FI AL I'TIQAD*

Mohd Fuad, M.

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,
33000 Kuala Kangsar Perak Malaysia.
Tel: 016-5682317 E-mail: fuad@usas.edu.my

Abstrak

Hujjatul Islam Imam al-Ghazali telah menggagaskan buah pemikirannya bagi mengumpul dan menghimpunkan segala dapatan ilmu melalui apa yang diistilahkan sebagai sumber ilmu. Melalui kaedah ini, segala dapatan ilmu yang dihasilkan dapat dipastikan keabsahan dan kebenarannya tanpa ragu. Tulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis sumber ilmu melalui karya beliau *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Ia merupakan kajian kualitatif di mana data akan diperolehi melalui semakan teks, karya di samping kitab yang menjadi rujukan penulis. Dapatan kajian mendapati pelbagai sumber ilmu digunakan oleh beliau yang diserlahkan dalam karyanya dan ia tidak bercanggah dengan disiplin ilmu Islam.

Kata Kunci: Sumber, Ilmu, Imam al-Ghazali, Kitab

Abstract

Hujjatul Islam Imam al-Ghazali has initiated the fruit of his thoughts to collect and bring together all the findings of knowledge through what is termed as a source of knowledge. Through this method, all the knowledge that is produced can be confirmed to be valid and correct without any doubts. This article aims to identify and analyze the said source of knowledge through his work *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. It is a qualitative study where data will be obtained through a review of texts, works in addition to books as reference. The findings of the study found that various sources of knowledge were used by him which were highlighted in his work and it did not contradict the discipline of Islamic knowledge.

Keywords: *Source, Knowledge, Imam al-Ghazali, Book*

Pengenalan

Sumber ilmu di sisi Imam al-Ghazali merupakan kaedah asas pbenaran yang digunakan oleh beliau bagi menilai kebenaran sesuatu premis yang digunakan dalam sesuatu hujah samada benar atau salah. Ia juga berperanan untuk memastikan dapatan ilmu yang diperolehi adalah sah dan boleh diterima. Semua asas-asas pbenaran tersebut tidak sama dalam membuktikan kebenaran sesuatu kenyataan kerana ada yang bersifat umum untuk semua

orang dan ada yang bersifat khusus untuk sebahagian orang tertentu sahaja. Justeru itu, dalam tulisan ini penulis akan membincangkan enam sumber ilmu bagi menilai kebenaran sesuatu hujah menurut pandangan Imam al-Ghazali melalui kitab agungnya *al-Iqtisad fi al-Itiqad* sekali gus akan mengesahkan sebarang dapatan ilmu yang dihasilkan samada benar atau salah.

Sorotan Kajian

Dalam membincangkan kajian berkaitan sumber ilmu menurut al-Ghazali, penulis telah menyelusuri beberapa kajian dan karya-karya tertentu bagi memperkuatkannya lagi kajian penulis dari aspek kandungan dan metodologi. Antaranya kajian tesis Phd bertajuk Ketokohan al-Ghazali dalam bidang Mantiq: Suatu analisis terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam *Kitab al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* yang ditulis oleh Fauzi Hamat (Fauzi, 1998). Ia adalah kajian kualitatif yang membincangkan ketokohan Imam al-Ghazali dalam ilmu Mantiq melalui karyanya *al-Mustasfa Min 'ilm al-Usul*. Dapatkan kajian ini mendapati ketokohan Imam al-Ghazali menguasai ilmu Mantiq dalam penghujahan pembuktian sesuatu hujah yang digunakan oleh beliau. Penulis juga menemui satu kajian bertajuk Al-Ghazali: Suatu kajian tentang pemikirannya mengenai akal dan kebebasannya yang ditulis oleh Yaman Towpek (Yaman, 1997). Ia satu kajian kualitatif yang membincangkan berkenaan peranan akal dan batasan-batasannya dalam berfikir di sisi imam al-Ghazali. Dapatkan kajian mendapati akal mempunyai peranannya yang besar dalam berfikir tetapi haruslah terkawal dengan batasan-batasan yang tertentu. Selain itu satu buku bertajuk Al-Imam Al-Ghazali dan Metodologi Kajiannya yang dihasilkan oleh Adil Zabub yang telah diterjemahkan oleh Osman Haji Khalid (Adil, 1987). Ia secara umumnya membincangkan berkenaan kehidupan beliau dan suasana semasa yang membentuk pemikirannya di samping perbahasan berkaitan metodologi yang digunakan oleh beliau dalam kajiannya yang ada kaitannya dengan penggunaan akal.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif di mana data akan dikumpulkan menggunakan kaedah dokumentasi melalui semakan teks seperti kajian, jurnal, kitab samada tulisan asal yang ditulis oleh tokoh yang dibincangkan dan juga tulisan-tulisan penulis lain samada teks klasik atau semasa. Beberapa sumber primer akan digunakan oleh penulis seperti kitab *al-Iqtisad fi al-Itiqad* karya Imam al-Ghazali, *Mi'yar al-'Ilm fi 'Ilm al-Mantiq* karya Imam al-Ghazali, *Qistas al-Mustaqim* karya Imam al-Ghazali dan kitab-kitab yang lain. Penulis akan membaca dan menganalisis kitab-kitab tersebut bagi mendapatkan data yang diperlukan.

Setelah data dikumpulkan, ia akan dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Melalui metode induktif, penulis akan menganalisis data dengan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini dikenali dengan *al-manhaj al-istinbati*. Metode deduktif pula digunakan oleh penulis untuk menganalisis data dengan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus. Metode ini juga dikenali dengan *al-Manhaj al-Istiqra*. Secara umumnya, penggunaan metode-metode yang telah dinyatakan di atas akan memastikan penghasilan sebuah kajian yang baik.

Dapatkan dan Perbincangan Kajian

Kajian yang telah dijalankan oleh penulis telah menemui beberapa dapatan penting yang menjadi asas sumber ilmu Imam al-Ghazali dalam penghujahannya. Dengan ini, ia akan membuktikan penghujahan yang dilakukan oleh imam al-Ghazali tidak terkeluar dari epistemologi ilmu yang sebenarnya dan secara langsung akan membenarkan setiap penghujahannya.

Sumber ilmu Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali menggunakan enam wasilah untuk mendapatkan data dan maklumat bagi menghasilkan ilmu yang diyakini yang dinamakan sumber ilmu iaitu *al-Hissiyat*, *al-'Aqliyyat*, *al-Mutawatirat*, *al-Nazariyyat*, *al-Sam'iyyat*, dan *al-Khasm*. Persoalan dan perbincangan sumber ilmu ini disentuh oleh Imam al-Ghazali dengan jelas dalam tamhid yang keempat dalam kitab beliau *al-Iqtisad fi al-Itiqad*.

Al-Hissiyat Sumber Ilmu dalam Akidah

Al-Hissiyat atau data-data inderawi jelas ditonjolkan oleh Imam al-Ghazali untuk menerima data dan fakta bagi membuktikan dan membenarkan suatu perkara yang dinamakan data inderawi. Ianya merangkumi pancaindera zahir seperti penglihatan, rangsangan, pendengaran, sentuhan, rasa dan bau dan juga batin (al-Ghazali, 1988). Imam al-Ghazali mengemukakan contoh sebagaimana berikut:

كُل حادث فله سبب

وَفِي الْعَالَمِ حَوَادِثٌ

فَلَا بَدْلٌ لَهَا مِنْ سببٍ

Ertinya: Setiap yang baharu, mempunyai sebab.

Dan di alam ini, mempunyai perkara yang baharu,
Maka tidak boleh tidak, baginya mempunyai sebab (Al-Ghazali, 1988)

Contoh di atas menjelaskan alam yang bersifat baharu ini membuktikan ia mempunyai sebab. Sebab kepada baharunya alam ini ialah Allah Taala. Baharunya alam ini pula dibuktikan dengan penyaksian dengan menggunakan anggota pancaindera sama ada penglihatan, pendengaran dan sebagainya. Ia dapat disaksikan dengan perubahan semula jadi alam ini seperti cuaca mendung, hujan, perubahan struktur muka bumi dan sebagainya menunjukkan ia adalah baharu (Al-Ghazali, 1988).

Penulis mendapati Imam al-Ghazali banyak mengaplikasikan penggunaan anggota pancaindera untuk mendapatkan fakta-fakta berbentuk inderawi sebagai contoh, ketika beliau membuktikan sifat Allah Taala yang maha berkuasa sebagaimana di bawah:

نَدْعُوكَ أَنْ مَحَدِّثُ الْعَالَمِ قَادِرٌ، لِأَنَّ الْعَالَمَ فَعْلٌ مُحْكَمٌ مَرْتَبٌ مُتَقْنٌ مَنْظُومٌ مَشْتَمِلٌ عَلَى

أَنْوَاعَ مِنَ الْعَجَائِبِ وَالآيَاتِ، وَذَلِكَ يَدْلِي عَلَى الْقَدْرَةِ

Ertinya: Kami mendakwa bahawasanya pembuat alam ini adalah berkuasa, kerana alam ini adalah (manifestasi) perbuatan Allah yang teliti, tersusun, teratur mengandungi pelbagai jenis keajaiban dan tanda-tanda kebenarannya. Ini menunjukkan kekuasaan Allah Taala (Al-Ghazali, 1988)

Kenyataan di atas membuktikan kehebatan kudrat Allah yang mencipta dan menjadikan alam ini. Kejadian alam yang hebat ini dibuktikan dengan penyaksian dan pemerhatian terhadap alam ini dengan adanya bukit bukau, alam cakerawala, tumbuhan, lautan, kejadian manusia dan sebagainya. Ia dibuktikan dengan *tadabbur* dan penyaksian dengan menggunakan pancaindera. Imam al-Ghazali menggunakan pancaindera sebagai wasilah untuk membuktikan kewujudan Allah Taala. Beliau telah menggabungkan penggunaan pancaindera zahir iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa dan bau dan pancaindera batin iaitu hati untuk membuktikan kewujudannya. Sebagai contoh cahaya matahari yang menerangi alam ini dapat diketahui dengan pancaindera mata dan merasai sakit, sedih dan duka pula dapat ditanggapi dengan hati (Al-Ghazali, 1988).

Imam al-Ghazali telah menggabungkan pancaindera tersebut untuk membuktikan kewujudan pencipta. Pancaindera manusia mampu untuk menanggapi perubahan alam, binatang, bukit bukau dan lainnya. Kesemua ini bersifat baharu kerana kewujudannya sendiri bermula selepas tiada. Begitu juga apa yang kita rasai dengan hati juga bersifat baharu. Maka setiap yang bersifat baharu pasti mempunyai sebab atas kewujudannya. Maka lahirlah natijah yang membuktikan alam ini pasti ada sebab atas kewujudannya. Maka sebab kewujudan alam ini ialah penguasa yang tunggal iaitu Allah. Beliau juga menyatakan: (Al-Ghazali, 1988)

فَأَمَّا ثَبُوتُ الْجِسَامِ وَأَعْرَاضُهَا فَمُعْلَوْمٌ بِالْمَشَاهِدَةِ

Ertinya: Adapun penthabitan jisim dan isi kandungannya, maka ia dapat diketahui dengan penyaksian (*tadabbur*)

Al-Huwayni (2001), juga menegaskan segala penyaksian yang disaksikan oleh pancaindera menjadi bukti akan adanya Allah SWT dan tidak bercanggah dengan nas syarak. Allah Taala berfirman :

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang dan kapal yang berlayar di laut daripada perkara yang memberi manfaat kepada manusia, dan apa yang diturunkan oleh Allah dari langit daripada air, maka Allah menghidupkan dengannya bumi yang telah mati dan menghemburkan di dalamnya segala aneka haiwan, juga pengedaran angin dan awan-awan yang dijadikan diantara langit dan bumi itu adalah menjadi bukti yang jelas kepada orang yang berfikir”.

(Q.S. Al-Baqarah 1: 164)

Ramai dikalangan ulama memperakui penggunaan pancaindera merupakan sumber penting untuk mendapatkan maklumat dan membenarkannya. Antaranya Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti dalam kitabnya *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah* (Al-Buti, 1982),

Imam al-Tahawi dalam kitabnya *al-'Aqidah al-Tahawiyah* (Al-Saqaf, 1998), Ibn Rusyd (Anwar, 2000) dan sebagainya. Ini bererti pendekatan melalui pengamatan merupakan antara metode terpenting dalam membahaskan persoalan akidah sebagaimana yang dibincangkan oleh Imam al-Ghazali.

Al-'Aqliyyat Sumber Ilmu dalam Akidah

Akal merupakan salah satu wasilah untuk mendapatkan data dan maklumat berasaskan akal sebagaimana dalam contoh di bawah :

كل ما لا يسبق الحوادث فهو حادث

والعالم لا يسبق الحوادث

فهو حادث

Ertinya: Setiap yang tidak dimulai dengan yang baharu, maka ia adalah baharu
Alam ini tidak dimulakan baharu,
Maka ia adalah baharu (Al-Ghazali, 1988)

Kenyataan di atas menjelaskan berkenaan baharunya alam. Persoalan alam yang bersifat baharu ini, merupakan suatu perkara *badihi* yang ada dalam akal manusia. Ia merupakan perkara yang tidak dapat disanggah oleh akal manusia melalui sebarang cara sama ada kajian, penelitian dan sebagainya. Begitu juga dalam menyabitkan satu sebahagian dari dua (Al-Huwayni, 2001). Ia satu kenyataan yang mampu dibuktikan dengan akal secara semula jadi dan tidak boleh dipertikaikan kebenarannya. Imam al-Ghazali banyak menggunakan wasilah akal dalam kitab tersebut sebagai medium untuk mendapatkan fakta dan maklumat. Ia jelas dipaparkan oleh al-Ghazali dalam kesemua perbahasannya dalam kitab *al-Iqtisad*. Dalam *Qutb* ketiga, perbahasan berkaitan perbuatan Allah Taala jelas menunjukkan penggunaan akal dalam menyabitkan isu yang dibincangkan. Ketujuh-tujuh *da'wa* yang dibincangkan menggunakan sumber akal untuk menyabitkannya dalam masalah pentaklifan, pemberian pahala dan dosa, memberi sakit kepada kanak-kanak dan haiwan, pengutusan nabi dan rasul dan lain-lain lagi (Al-Ghazali, 1988).

Penggunaan akal dalam menganalisis maklumat jelas terdapat dalam kitab beliau *al-Iqtisad*. Penggunaan akal ini hanya kepada perkara-perkara yang dapat ditanggapi oleh akal sahaja khususnya dalam menyabitkan dua *taraf* iaitu *mawdu'* atau subjek dan *mahmul* atau predikat sebagaimana yang terdapat dalam ilmu mantiq. Sebagai contoh dalam mengisbatkan alam ini berubah *العالم متغير*. Pengisbatan *mawdu'* dan *mahmul* iaitu “*alam itu berubah*” merupakan suatu perkara yang tidak memerlukan kepada penelitian. Begitu juga dalam membenarkan angka satu ialah sebahagian dari angka dua (Al-Huwayni, 2001). Pengisbatan perkara sumpama ini tidak memerlukan sebarang kajian dan penelitian kerana secara *badihinya* akal boleh memikirkannya. Manakala perkara yang tidak boleh diisbatkan dengan akal seperti perkara-perkara *ghaiybiyyat*, maka Imam al-Ghazali akan merujuk nas *syarak'* untuk mengisbatkan kewujudannya. Pengisbatan kewujudan dan keesaan Allah Taala dibuktikan dengan jelas berasaskan dalil akal oleh Imam al-Ghazali sebagaimana dalam contoh di bawah (Salah, 1991).

لو قدر له شريك، لكان مثل في كل الوجوه، او ارفع منه، او كان دونه وكل ذلك
محال، فالمفضى اليه محال.

Ertinya: Kalau ditaqdirkan Allah Taala itu berkongsi, nescaya dia sama pada semua perkara, atau lebih baik daripadanya, atau kurang daripadanya. Semua perkara itu adalah mustahil maka perkara yang membawa kepadanya juga adalah mustahil.

Perkongsian Allah S.W.T dalam tiga bentuk di atas adalah mustahil menurut akal. Ini bermakna mustahil bagi Allah Taala berkongsi dalam semua perkara. Penggunaan akal dalam mengisbatkan kewujudan Allah dan keesaan Allah Taala juga jelas dinyatakan oleh Allah Taala dalam firman-Nya :

يأيها الناس اعبدوا ربكم الذي خلقكم والذين من قبلكم لعلكم تتقون الذي جعل لكم الأرض فرasha والسماء بناء وانزل من السماء ماء فأخرج به من الثمرات رزقا لكم
فلا تجعلوا الله اندادا وأنتم تعلمون

Ertinya: Wahai manusia, sembahlah tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dan orang-orang sebelum kamu mogamoga kamu bertakwa, dan yang telah menjadikan bagi kamu bumi yang terhampar dan langit sebagai atap dan telah menurunkan daripada langit air, maka keluar daripadanya buah-buahan sebagai rezeki kepada kamu, maka janganlah kamu menjadikan bagi Allah itu sekutu sedangkan kamu mengetahui.

(Q.S. Al-Baqarah 2: 21-22)

Keterangan di atas jelas membuktikan peranan akal dalam mengisbatkan persoalan akidah dan ia tidak bertentangan dengan nas syarak. Imam al-Ghazali menjadikan akal untuk menetapkan dua masalah besar dalam agama iaitu *wujudullah* dan ketepatan *nubuwwat* (Al-Ghazali,1988). *Wujudullah*, *qudrat*, *iradat* dan ilmunya dapat ditetapkan oleh akal.

Justeru itu *al-Badihiyyat* iaitu kewujudan sesuatu perkara yang tidak memerlukan sebarang dalil dan bukti menjadi asas penting untuk menerima maklumat dan data di sisi Imam al-Ghazali. Umpamanya dalam menyabitkan sifat Ilmu Allah sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali sebagaimana berikut:

الله تعالى صانع الذي هو فعله المتقن المحكم، العالم وكل من صدر عنه مثل هذا الفعل
 فهو عالم، فالله تعالى عالم بذاته وبغيره.

Ertinya: Allah Taala penjadi alam yang bersifat teliti dan penuh kebijaksanaan.

Setiap yang datang daripadanya, maka ia bersifat mengetahui (ilm), maka Allah Taala mengetahui dengan zatnya dan selainnya (Al-Ghazali:1988)

Daripada keterangan di atas menjelaskan di mana Allah Taala bersifat dengan sifat mengetahui. Dengan sifat mengetahui inilah Allah Taala menjadikan alam ini. Penulis mendapati ianya merupakan suatu perkara *badhi* yang tidak perlu difikirkan. Secara *badhi*nya, kita mengetahui untuk menjadikan dan mewujudkan sesuatu memerlukan kepada ilmu. Tanpa ilmu suatu perkara tidak akan berlaku. Justeru itu penulis mendapati data-data yang diperolehi secara *badhi* jelas dipaparkan oleh beliau untuk menyabitkan sifat ilmu Allah Taala dan ia merupakan sebahagian dari sumber *al-Burhan* al-Ghazali dalam bentuk *al-'Aqlīyyat*.

Begitu juga pandangan Abu Qahir al-Baghdadi ketika membahaskan persoalan kewujudan pencipta alam (Allah) dengan dalil adanya alam. Beliau menyatakan adanya tulisan sebagai bukti adanya penulis dan adanya binaan sebagai bukti adanya jurutera yang membinanya. Ia tidak mungkin boleh terjadi dengan sendirinya (Subhi,1985). Imam al-Juwaini pula menyatakan setiap yang baharu berhajat kepada menjadi baharu iaitu Allah(Subhi, 1985). Justeru itu merasai wujudnya pencipta dan menjadi seumpama itu merupakan perkara semula jadi yang memang wujud di dalam jiwa manusia.

Al-Mutawatirat Sumber Ilmu Dalam Akidah

Ia merupakan satu bentuk periyatan yang berasaskan kepada perkhabaran yang didengar daripada ramai orang yang tidak mungkin mereka berpakaat melakukan pembohongan (Al-Huwaini, 2001) seperti Muhammad seorang nabi dan rasul yang benar (Al-Ghazali, 1988) berasaskan Mukjizat yang dimilikinya. Ia disampaikan kepada kita melalui khabar-khabar yang bersifat *al-Mutawatirat* yang tidak boleh disangsih kebenarannya. Ketika membincangkan persoalan kenabian dan kerasulan, jelas di mana al-Ghazali memaparkan dalil *al-Mutawatirat* untuk menyabitkan mukjizat yang dimiliki oleh para nabi. (Al-Ghazali, 1988) Kewujudan mukjizat yang dimiliki ini jelas dibuktikan berasaskan al-Quran dan al-Hadith yang bersifat Mutawatir yang mustahil untuk dinafikan kebenarannya. Begitu juga ketika beliau membincangkan persoalan kewujudan Allah dan sifat-sifatnya, *af'al Allah, al-Imamah* (Al-Ghazali :1988) dan lain-lain lagi.

Selain itu penggunaan nas syarak sebagai salah satu sumber maklumat utama diberi penekanan penting oleh Imam al-Ghazali. Ia merupakan perkara yang disentuh oleh Imam al-Ghazali yang diistilahkan dengan sumber *al-Mutawatirat*. Data dan maklumat yang diperolehi melalui nas syarak digunakan sebagai hujah berhadapan dengan golongan Muktazilah. Dalam membahaskan persoalan *af'al Allah*, Imam al-Ghazali bertegas mengutamakan dalil syarak dari dalil-dalil yang lainnya. Ini jelas dipaparkan oleh beliau dalam da'wa yang keenam sebagaimana berikut. (Al-Ghazali, 1988)

وَأَنَّ الْعَبْدَ لَا يُجِبُ عَلَيْهِ شَيْءٌ بِالْعُقْلِ بَلْ بِالشَّرْعِ

Ertinya: Dan bahwasanya seorang hamba itu tidaklah wajib ke atasnya sesuatu dengan akal bahkan dengan syarak

Kenyataan di atas menegaskan berkenaan kewajipan mengenal Allah S.W.T dengan mengutamakan syarak daripada akal. Ini jelas bertepatan dengan firman Allah Taala dalam firmannya :

او لم ينظروا مَاذَا في السماوات والأرض

Ertinya: Tidakkah kamu melihat, apakah yang terdapat di langit dan dibumi.

(Q. S. Al-A'raf 7:185)

Ayat di atas memperkuuhkan lagi kenyataan Imam al-Ghazali agar mengutamakan dalil syarak dari akal dalam membuktikan kewujudan Allah S.W.T. Ia bertepatan dengan apa yang diamalkan oleh Ahli Sunnah wa al-Jama'ah yang menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan dan metode utama dalam perbahasan akidah (Mubarak, 1995). Dalam mentafsirkan kalimah wajib, *hasan* (baik) dan *qabih* (buruk), Imam al-Ghazali menjadikan syarak sebagai rujukan dan metode utama. Untuk mengetahui hukum suatu perkara wajib, *hasan* dan *qabih* perlu dirujuk kepada ketentuan syarak. Syaraklah yang menentukan dan mengklasifikasikan sesuatu amalan itu bersifat wajib, *hasan* dan *qabih* dan bukannya akal. Dalam hal ini beliau menyatakan (Mubarak, 1995):

وَعُرِفَ بِالشَّرْعِ فَنْحَنْ نَسْمِيَةٌ وَاجِبًا

Ertinya: Dan sesuatu yang diketahui dengan syarak maka kami namakannya wajib.

Begitu juga dalam menetapkan suatu perkara sama ada *hasan* atau *qabih*, ia perlu dirujuk kepada syarak. Ukuran baik buruk sesuatu perkara ialah syarak dan bukannya akal. Akal sewajarnya akur dan tunduk terhadap segala ketetapan syarak. Kenyataan tersebut bertepatan dengan aliran Asya'irah dengan mengembalikan segala tafsiran kepada nas syarak dan bukannya akal (Muhammad Anwar, 2000).

Begitu juga pandangan al-Ghazali berkenaan melaksanakan *al-Salah wa al-Aslah* dalam urusan agama dan dunia. Menurut beliau tidak wajib ke atas Allah Taala untuk menjadikan *al-salah* dan meraikan *aslah* kepada hambaNya. Mewajibkan sesuatu ke atas Allah Taala bererti memaksa Allah Taala untuk melaksanakannya. Unsur paksaan terhadap perbuatan Allah Taala sebagaimana di atas merupakan perkara yang mustahil bagi Allah Taala kerana ia menggambarkan sifat kekurangan Allah Taala. Ia bertepatan dengan firman Allah Taala sebagaimana dalam firmannya:

فَلَوْ شَاءَ لَهُ دَكْمٌ أَجْمَعِينَ

Ertinya: Maka kalau dikehendaki nescaya akan diberi petunjuk kepada kamu semua.

(Q.S. Al-An'am 6: 149)

Begitu juga dalam menyabitkan kewajipan mengenal Allah S.W.T sama ada berpandukan syarak atau akal. Al-Ghazali dan mazhab Asya'irah menjelaskan syarak yang mewajibkan mengenal Allah dan bukannya akal sebagaimana dakwaan Muktazilah. (Muhammad Anwar, 2000) Ianya bertepatan dengan firman Allah S.W.T sebagaimana dalam firmannya:

قل أنظروا ماذا في السماوات والأرض

Ertinya: Katakanlah, lihatlah apa yang terdapat di langit dan bumi.

(Q.S Yunus 10: 101)

Ayat di atas menjelaskan tentang nikmat Allah S.W.T yang melimpah ruah samada di langit atau di bumi yang tidak terhingga. Faedah nikmat tersebut akan dikecapi oleh setiap makhluk yang melata di bumi. Allah Taala tidak akan mendapat sebarang faedah dan keuntungan dari nikmat yang dikurniakan kepada hambanya. Malah mustahil bagi Allah Taala menerima sebarang faedah dan keuntungan dari nikmat dan amal ibadah yang dilakukan oleh hambanya.

Al-Nazariyyat Sumber Ilmu Dalam Akidah

Ia merupakan satu kaerah yang digunakan oleh Imam al-Ghazali dalam bentuk susunan *qias mantiqi* untuk membahas dan membuktikan suatu perkara. Suatu perkara yang telah dibuktikan kebenarannya melalui tiga kaerah di atas iaitu *al-Hissiyyat*, *al-'Aqliyyat* dan *al-Mutawatirat* akan dibuktikan dan diolah dengan pendekatan dan kaerah susunan *Qias Mantiq*. Sebagai contoh yang dipaparkan oleh Imam al-Ghazali di mana setelah beliau membuktikan baharunya alam menggunakan ketiga-tiga kaerah di atas, Imam al-Ghazali akan menyusun pula kaerah pembuktian ini dengan kaerah *mantiq* sebagaimana di bawah:

كل حادث فله سبب

العالم حادث

إذا له سبب

Ertinya: Setiap yang baharu, mempunyai sebab.

Alam itu baharu,

Jadi, ia mempunyai sebab (Muhammad Anwar, 2000).

Ia merupakan kaerah mantiq yang diambil dari *syakal* yang keempat *durb* yang pertama.(Al-Ghazali, 1990) Penggunaan kaerah mantiq seumpama ini banyak digunakan oleh Imam al-Ghazali dalam kesemua perbahasan akidah dalam kitab beliau *al-Iqtisad fi al-I'iqad*.

Al-Sam'iyyat Sumber Ilmu Dalam Akidah

Ia merupakan sumber yang digunakan oleh Imam al-Ghazali untuk mendapatkan fakta dan maklumat berdasarkan nas syarak yang diambil dari al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qias. Ia merupakan sesuatu yang tidak boleh dipersoalkan kebenarannya dan boleh menyebabkan tergelincir dari akidah yang sebenarnya. Imam al-Ghazali banyak memaparkan ideanya yang jelas berasaskan dalil-dalil *al-Sam'iyyat*. Antaranya ketika membuktikan kewujudan Allah Taala dengan menyabitkan baharunya alam. Allah S.W.T menyatakan dalam firmannya:

ولقد خلقنا الإنسان من سلالة من طين. ثم جعلناه نطفة في قرار مكين. ثم خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضعة عظاما فكسونا العظام لحما ثم انشأناه خلقا آخر فتبارك الله أحسن الخالقين، ثم إنكم بعد ذلك ميتون.

Ertinya: Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari segumpal tanah. Kemudian kami jadikan dari segumpal tanah itu air mani terletak dalam tempat teguh. Kemudian air mani itu, kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu kami jadikan tulang belulang, kemudian tulang belulang itu kami tutup dengan daging, sesudah itu kami jadikan makhluk yang lain. Maka memberkati Allah Taala sebaik-baik pencipta. Kemudian sesudah itu kamu akan mati.

(Q.S. Al-Mukminun 23: 12-15)

Begitu juga dalam perbahasan melihat Allah dengan disabitkan melalui hadith Rasulullah sebagaimana sabdanya (Al-Asqalani, 2000):

حدثنا مسدد قال: حدثنا يحيى عن إسماعيل قال: حدثنا قيس عن جرير بن عبد الله: كنا عند النبي إذا نظر إلى القمر ليلة البدر فقال: أما أنتم سترون ربكم كما ترون هذا لا تضامون في رؤيته

Ertinya: Telah menceritakan kepada kami akan Musaddad berkata: Telah menceritakan kepada kami Yahya daripada Ismail berkata: Telah menceritakan kepada kami Qais daripada Jarir bin Abdullah : Kami duduk di sisi Nabi sedang kami melihat bulan purnama, maka Rasulullah bersabda: Kamu akan melihat tuhanmu sebagaimana kamu melihat bulan ini, tidak samar pada pandangannya.

Kedua-dua nas tersebut merupakan sumber yang berbentuk *al-Sam'iyyat* sebagai hujah untuk membuktikan suatu perkara. Penggunaan nas seumpama ini banyak diaplikasikan oleh beliau dalam kebanyakan bab yang dibincangkan. Begitu juga ketika beliau membincangkan persoalan *al-Hasyr* (kebangkitan), Alam kubur, *al-mizan* (timbangan) dan titian *al-sirat* (Al-Ghazali, 1988) dengan mengemukakan dalil-dalil yang bersifat *qat'ie* dari al-Quran al-Karim dan hadith-hadith Nabawi.

Al-Khasm Sumber Ilmu Dalam Akidah

Perkara yang terakhir pula ialah dengan membenarkan suatu permasalahan yang dipegang atau apa yang diistilahkan dengan nama *al-Khasm*. Imam al-Ghazali akan mengambil perkara tersebut dan dijadikannya sebagai mukadimah dalam pendalilannya. Beliau akan memperinci dan membahaskannya sehingga sabit terbatal pemikiran dan mazhab lawannya dengan menggunakan kaedah dalil yang digunakan dan tidak boleh pula diingkarinya. Penggunaan kaedah seumpama ini banyak terdapat dalam sebahagian besar kitab beliau *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*.

Kesemua metodologi yang telah dinyatakan oleh penulis di atas merupakan perkara penting yang menjadi landasan dan dasar utama Imam al-Ghazali dalam membahaskan persoalan akidah. Kesemua sumber ilmu tersebut diaplikasikan dalam kitab beliau *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Dalam hal ini penulis mendapati ketokohan Imam al-Ghazali dalam membahaskan suatu isu dan dalam melakukan kajian, tidak terpengaruh dengan metodologi ulama dan pemikir lain yang sezaman dengannya. Beliau cuba menggabungkan semua sumber ilmu tersebut bagi mendapatkan data dan maklumat untuk berhadapan dengan ulama dan pemikir di zamannya.

Kesimpulan

Sumber ilmu Imam al-Ghazali telah menyelesaikan kekeliruan sebahagian cendekiawan Islam yang meragui tulisan dan hasil karya ulama silam dalam pelbagai disiplin ilmu. Justeru itu masyarakat Islam tidak sewajarnya meragui dan mempersoalkan ketulenan dan kebenaran sesuatu ijтиhad yang dilakukan oleh seseorang ulama. Penerimaan dan memperakui sumber ilmu ini dapat menyelesaikan pelbagai masalah khususnya perkara *khilafiah* yang sering dibahaskan. Melalui kajian ini juga akan membuka ruang dan minda masyarakat Islam agar tidak memenjarakan akal dan fikiran untuk tidak menerima penghujahan dan pembuktian berdasarkan sumber ilmu di atas sebagaimana yang digagaskan oleh Imam al-Ghazali.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

Ahmad Mahmud Subhi. (1985) *Fi 'Ilmi al-Kalam*. Beirut : Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah

Al-Asqalani, Ibn Hajar. (2000), *Fath al-Bari Li Syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Salam

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1982), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Al-Ghazali. Abi Hamid bin Muhammad bin Muhammad.(1988) *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Al-Ghazali. Abi Hamid bin Muhammad bin Muhammad(1990). *Mi 'yar al- 'Ilmi fi al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Al-Huwayni, Hasan Muhamram. (2001). *Al-Amali 'ala Iqtisad al-Ghazali*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.

Al-Saqaf, Hasan bin Ali. (1998). *Sahih Syarh al-'Aqidah al-Tahawiyyah*. Amman: Dar al-Imam al-Nawawi

Muhammad Anwar Hamid Isa. (2000). *Nazarat fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*. t.t.p, t.p

Salah 'Abd 'Alim Ibrahim. (Dr). (1991). *Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyyah